



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## PEMBINAAN INDEKS KELESTARIAN BANDAR WARISAN DI MALAYSIA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**MOHAMAD KHAIRUL ANUAR BIN GHAZALI**

pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2023**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## PEMBINAAN INDEKS KELESTARIAN BANDAR WARISAN DI MALAYSIA

MOHAMAD KHAIRUL ANUAR BIN GHAZALI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (✓)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah

|   |
|---|
|   |
|   |
|   |
| ✓ |

## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 25 OGOS 2023

### i. Perakuan pelajar :

Saya, MOHAMAD KHAIRUL ANUAR BIN GHAZALI, P20191001143, FSK (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PEMBINAAN INDEKS KELESTARIAN BANDAR WARISAN DI MALAYSIA adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.



Tandatangan pelajar

### ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF MADYA DR. YAZID BIN SALEH (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PEMBINAAN INDEKS KELESTARIAN BANDAR WARISAN DI MALAYSIA (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institusi Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian / sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah DOKTOR FALSAFAH (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

25 OGOS 2023

Tarikh

  
Tandatangan Penyelia

PROF. MADYA DR. YAZID BIN SALEH  
Institut Geografi dan Alam Sekitar  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Tanjong Malim, Perak





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PEMBINAAN INDEKS KELESTARIAN BANDAR WARISAN DI  
MALAYSIA

No. Matrik / Matric's No.: P20191001143

Saya / I : MOHAMAD KHAIRUL ANUAR BIN GHAZALI  
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia/ Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

**PROF. MADYA DR. YAZID BIN SALEH**  
Institut Geografi dan Alem Sekitar  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Tanjong Malim, Perak

Tarikh: 25 OGOS 2023

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*





## PENGHARGAAN

Dengan nama Tuhan yang Maha Pemurah, Pengasih dan Penyayang

Warisan budaya yang terdapat pada sesebuah bandar merupakan pusaka peninggalan generasi terdahulu kepada kita untuk digunakan dan dijaga dengan sebaik mungkin dan kemudianya diwariskan semula kepada generasi akan datang. Melalui warisan budaya sama ada dalam bentuk ketara atau tidak ketara secara langsung dan tidak langsung telah memacu pelbagai aspek dalam kehidupan manusia. Melalui warisan budaya manusia memacu pertumbuhan ekonomi, membina jati diri, membentuk bangsa yang patriotik, menyelamatkan alam sekitar dan membina negara yang mampan. Negara yang mampan sangat penting untuk kesejahteraan hidup manusia sejagat.

Melalui kesedaran inilah terhasilnya sebuah penyelidikan yang berkisahkan tentang kelestarian bandar warisan. Apakah petunjuk-petunjuk yang penting yang perlu diambil perhatian untuk menjadikan bandar sebuah kawasan kegiatan utama manusia pada hari ini menjadi mampan dan berdaya huni dan sejauhmanakah bandar-bandar warisan yang tersisa pada hari ini lestari? Persoalan-persoalan ini telah berjaya dijawab dan dibincangkan dalam naskah tesis ini.

Usaha ini tidak akan mencapai kejayaan tanpa bantuan dan tunjuk ajar daripada figura-figura hebat. Pertama sekali saya ingin mengucapkan syukur dan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya kerana sentiasa memberikan dorongan, nasihat dan kasih sayang kepada diri ini. Terima kasih yang teristimewa juga diberikan kepada penyelia-penyeitian saya iaitu Prof Madya Dr. Yazid Saleh dan Prof Madya Dr. Hanifah Mahat kerana banyak mengajar dan membimbang dalam proses menyiapkan kajian dan tesis ini. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama mengharungi perjalanan suka dan duka sebagai seorang pelajar pasca siswazah di bumi Muallim ini. Ucapan terima kasih juga diberikan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana menaja pengajian ini menggunakan dana Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2019/SS07/UPSI/02/1).

Semoga dengan penghasilan tesis ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak terutama sekali diri saya sendiri. Semoga segala ilmu dan pengalaman yang diperolehi sewaktu menyiapkan kajian dan tesis ini dapat digunakan dan bermanfaat untuk masa hadapan.

Sekian. Terima kasih





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membina indeks kelestarian bandar warisan di Malaysia. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah kuantitatif dengan kaedah tinjauan lapangan menggunakan instrumen soal selidik. Sejumlah 10 buah bandar warisan dan 1000 responden telah dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan berkelompok dan rawak mudah. Dapatan kajian dianalisis menggunakan tiga kaedah iaitu (i) analisis faktor, (ii) analisis deskriptif dan (iii) pengiraan indeks menggunakan nilai minimum dan nilai maksimum bagi setiap petunjuk sebagai petunjuk matlamat. Hasil analisis faktor telah berjaya membentuk satu set soal selidik dengan lima konstruk utama ((i) kemakmuran ekonomi, (ii) kesejahteraan sosial, (iii) kesejahteraan alam sekitar, (iv) warisan budaya, (v) peranan kerajaan dan komuniti), 14 sub konstruk dan 57 petunjuk kelestarian yang sesuai untuk digunakan bagi mengukur tahap kelestarian bandar warisan di Malaysia. Melalui soal selidik yang dibina, maklumat kelestarian bandar dapat dikumpulkan. Hasil data yang dikumpulkan dianalisis dengan analisis deskriptif dan pengiraan indeks telah berjaya mengenal pasti bandar warisan yang lestari iaitu bandaraya Melaka (0.85) dan Muar (0.75), sederhana lestari iaitu Kota Bharu (0.71), bandaraya George Town (0.68), Taiping (0.67), bandaraya Kuching (0.67), Jugra (0.63), Tampin (0.6) dan Kuala Lipis (0.58). Manakala, bandar warisan kurang lestari ialah Kuala Kubu Bharu (0.39). Akhir sekali, indeks purata keseluruhan bandar warisan di Malaysia ialah 0.65 iaitu secara rumusanya berada pada definisi yang sederhana lestari. Implikasi daripada kajian ini dapat memberikan gambaran awal tentang kelestarian bandar warisan yang terpilih di Malaysia. Penemuan ini boleh dijadikan panduan bagi usaha-usaha pemuliharaan bandar warisan di Malaysia pada masa akan datang. Selain membantu ke arah tercapainya matlamat ke-11 dalam Agenda Pembangunan Lestari 2030 dan akhirnya menyumbang kepada tercapainya hasrat kerajaan bagi mewujudkan bandar yang berdayahuni seiring dengan hasrat Rancangan Fizikal Negara Ke-4 (RFN 4).





## DEVELOPMENT OF HERITAGE CITY SUSTAINABILITY INDEX IN MALAYSIA

### ABSTRACT

The aim of this study was to develop an index of heritage urban sustainability in Malaysia. The study design used is quantitative with field observation method using a questionnaire instrument. A total of 10 heritage towns and 1000 respondents were selected using simple cluster and random sampling methods. The findings were analyzed using three methods, namely (i) factor analysis, (ii) descriptive analysis and (iii) index calculation using the minimum value and maximum value for each indicator as an indicator of the goal. The results of factor analysis have successfully formed a set of questionnaires with five main constructs ((i) economic prosperity, (ii) social well-being, (iii) environmental well-being, (iv) cultural heritage, (v) role of government and community), 14 sub -constructs and 57 suitable sustainability indicators to be used to measure the level of sustainability of heritage cities in Malaysia. Through a constructed questionnaire, urban sustainability information can be collected. The results of the data collected were analyzed with descriptive analysis and index calculation has successfully identified sustainable heritage cities namely bandaraya Melaka (0.85) and Muar (0.75), moderately sustainable namely Kota Bharu (0.71), bandaraya George Town (0.68), Taiping (0.67), bandaraya Kuching (0.67), Jugra (0.63), Tampin (0.6) and Kuala Lipis (0.58). Meanwhile, the weak sustainable heritage city is Kuala Kubu Bharu (0.39). Finally, the average overall index of heritage cities in Malaysia is 0.65, which is basically in the definition moderately sustainable. The implications of this study can provide an initial picture of the sustainability of selected heritage cities in Malaysia. These findings can be used as a guide for heritage city conservation for the future in Malaysia. Apart from helping towards the achievement of the 11th goal in the Sustainable Development Goals 2030 and ultimately contributing to the achievement of the government's intention to create a resilient city in line with the aspirations of the 4th National Physical Plan (NPP 4).





## KANDUNGAN

### **Muka Surat**

|                                    |       |
|------------------------------------|-------|
| <b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b> | ii    |
| <b>PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS</b> | iii   |
| <b>PENGHARGAAN</b>                 | iv    |
| <b>ABSTRAK</b>                     | v     |
| <b>ABSTRACT</b>                    | vi    |
| <b>KANDUNGAN</b>                   | vii   |
| <b>SENARAI JADUAL</b>              | xv    |
| <b>SENARAI RAJAH</b>               | xviii |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b>           | xx    |
| <b>SENARAI LAMPIRAN</b>            | xxiii |



|   |  |    |
|---|--|----|
| <b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>                              |  | 1  |
| 1.1 Pengenalan  |  | 1  |
| 1.2 Latar Belakang Kajian                             |  | 2  |
| 1.3 Pernyataan Masalah                                |  | 11 |
| 1.4 Persoalan Kajian                                  |  | 15 |
| 1.5 Matlamat dan Objektif Kajian                      |  | 15 |
| 1.6 Kerangka Konseptual                               |  | 15 |
| 1.7 Kepentingan Kajian                                |  | 21 |
| 1.7.1 Membangunkan Petunjuk Bandar Warisan<br>Lestari |  | 21 |
| 1.7.2 Pembinaan Indeks                                |  | 22 |





|       |                            |    |
|-------|----------------------------|----|
| 1.7.3 | Sumbangan Empirikal        | 22 |
| 1.8   | Limitasi Kajian            | 23 |
| 1.8.1 | Lokasi Kajian              | 23 |
| 1.8.2 | Populasi dan Sampel Kajian | 24 |
| 1.8.3 | Kaedah Kajian              | 24 |
| 1.8.4 | Pemboleh Ubah Kajian       | 25 |
| 1.9   | Pendefinisian Operasi      | 25 |
| 1.9.1 | Indeks                     | 25 |
| 1.9.2 | Bandar Warisan Lestari     | 26 |
| 1.9.3 | Warisan Budaya             | 28 |
| 1.10  | Kesimpulan                 | 29 |

## BAB 2 KAJIAN LITERATUR



|       |   |    |
|-------|---|----|
| 2.1   | Pengenalan  | 30 |
| 2.2   | Konsep Pembangunan Lestari, Bandar dan Warisan        | 31 |
| 2.2.1 | Pembangunan Lestari                                   | 31 |
| 2.2.2 | Bandar  | 34 |
| 2.2.3 | Warisan Budaya  | 36 |
| i.    | Warisan Budaya Ketara                                 | 37 |
| ii.   | Warisan Budaya Tidak Ketara                           | 39 |
| 2.3   | Polisi dan Inisiatif Pembangunan Bandar Lestari       | 40 |
| 2.3.1 | Polisi Global Berkaitan Pembangunan<br>Bandar Lestari | 42 |
| i.    | Sustainable Development Goals<br>(SDG)                | 42 |
| ii.   | Agenda Bandar Baharu                                  | 49 |





|       |  |     |
|-------|--|-----|
| iii.  | Agenda Tempatan 21 (Local Agenda 21)                                     | 52  |
| iv.   | Gerakan Bandar Sihat (The Healthy Cities Movement (HCM))                 | 55  |
| 2.3.2 | Polisi Malaysia Berkaitan Pembangunan Bandar Lestari                     | 62  |
| i.    | Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12)  | 63  |
| ii.   | Wawasan Kemakmuran Bersama 2030  | 67  |
| 2.3.3 | Petunjuk Pembangunan Bandar Lestari dalam Konteks Negara-Negara di Dunia | 68  |
| i.    | Petunjuk Kelestarian Peringkat Global                                    | 68  |
| ii.   | Petunjuk Kelestarian Peringkat Negara Asia                               | 71  |
| iii.  | Petunjuk Kelestarian Peringkat Tempatan (Malaysia)                       | 73  |
| 2.4   | Pembangunan Bandar Warisan Lestari dari Sorotan Kajian-Kajian Lepas      | 77  |
| 2.4.1 | Konstruk Pembangunan Bandar Warisan Lestari                              | 78  |
| i.    | Kemakmuran Ekonomi   | 78  |
| ii.   | Kesejahteraan Sosial   | 85  |
| iii.  | Kesejahteraan Alam Sekitar   | 89  |
| iv.   | Warisan Budaya   | 95  |
| v.    | Peranan Kerajaan dan Komuniti  | 101 |
| 2.4.2 | Tren Kajian Lepas Berkaitan Kelestarian Bandar Warisan                   | 105 |
| i.    | Tujuan Utama dan Metodologi  | 106 |
| ii.   | Kawasan Kajian Pembangunan Bandar Warisan Lestari                        | 110 |





|   |   |     |
|---|---|-----|
| 2.4.3                                     | Kerangka Teoritikal Pembinaan Indeks Bandar Warisan di Malaysia | 116 |
| 2.5                                       | Kesimpulan  | 122 |
| <b>BAB 3 METODOLOGI DAN LOKASI KAJIAN</b> |   | 123 |
| 3.1                                       | Pengenalan  | 123 |
| 3.2                                       | Reka Bentuk Kajian  | 124 |
| 3.3                                       | Lokasi Kajian   | 126 |
| 3.3.1                                     | Bandaraya George Town   | 129 |
| 3.3.2                                     | Bandar Taiping  | 132 |
| 3.3.3                                     | Bandar Kuala Kubu Bharu (KKB)                                   | 135 |
| 3.3.4                                     | Bandar Jugra  | 138 |
| 3.3.5                                     | Bandar Tampin   | 140 |
| 3.3.6                                     | Bandaraya Melaka  | 142 |
| 3.3.7                                     | Bandar Muar   | 145 |
| 3.3.8                                     | Bandar Kuala Lipis  | 147 |
| 3.3.9                                     | Bandar Kota Bharu   | 149 |
| 3.3.10                                    | Bandaraya Kuching   | 152 |
| 3.4                                       | Populasi dan Sampel   | 154 |
| 3.5                                       | Prosedur Persampelan  | 156 |
| 3.6                                       | Instrumen Kajian  | 158 |
| 3.7                                       | Kesahan Kandungan   | 159 |
| 3.8                                       | Kesahan Muka  | 162 |
| 3.9                                       | Kajian Rintis   | 163 |
| 3.9.1                                     | Laporan Pekali Alpha  | 166 |





|        |                                  |     |
|--------|----------------------------------|-----|
| 3.10   | Pentadbiran Borang Soal Selidik  | 167 |
| 3.11   | Kaedah Menganalisis Data         | 168 |
| 3.11.1 | Analisis Faktor                  | 169 |
| i.     | Analisis Faktor Penerokaan (EFA) | 169 |
| ii.    | Analisis Faktor Pengesahan (CFA) | 171 |
| 3.11.2 | Analisis Deskriptif              | 172 |
| 3.11.3 | Formula Indeks                   | 173 |
| 3.12   | Kesimpulan                       | 176 |

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN** 178

|        |   |     |
|--------|---|-----|
| 4.1    | Pengenalan  | 178 |
| 4.2    | Profil Responden  | 179 |
| 4.2.1  | Profil Responden (Bandaraya George Town)                              | 182 |
| 4.2.2  | Profil Responden (Bandar Taiping)                                     | 184 |
| 4.2.3  | Profil Responden (Bandar Kuala Kubu Bharu)                            | 187 |
| 4.2.4  | Profil Responden (Bandar Jugra)                                       | 189 |
| 4.2.5  | Profil Responden (Bandar Tampin)                                      | 192 |
| 4.2.6  | Profil Responden (Bandaraya Melaka)                                   | 194 |
| 4.2.7  | Profil Responden (Bandar Muar)  | 197 |
| 4.2.8  | Profil Responden (Bandar Kuala Lipis)                                 | 199 |
| 4.2.9  | Profil Responden (Bandar Kota Bharu)                                  | 202 |
| 4.2.10 | Profil Responden (Bandaraya Kuching)                                  | 205 |
| 4.3    | Analisis Faktor Penerokaan (EFA) dan Analisis Faktor Pengesahan (CFA) | 207 |
| 4.3.1  | Analisis EFA dan CFA Konstruk Kemakmuran Ekonomi                      | 208 |





|        |   |     |
|--------|---|-----|
| 4.3.2  | Analisis EFA dan CFA Konstruk Kesejahteraan Sosial          | 211 |
| 4.3.3  | Analisis EFA dan CFA Konstruk Kesejahteraan Alam Sekitar    | 214 |
| 4.3.4  | Analisis EFA dan CFA Konstruk Warisan Budaya                | 217 |
| 4.3.5  | Analisis EFA dan CFA Konstruk Peranan Kerajaan dan Komuniti | 220 |
| 4.4    | Tahap Kelestarian Bandar Warisan di Malaysia                | 223 |
| 4.4.1  | Bandaraya George Town                                       | 223 |
| 4.4.2  | Bandar Taiping  | 225 |
| 4.4.3  | Bandar Kuala Kubu Bharu (KKB)                               | 227 |
| 4.4.4  | Bandar Jugra  | 229 |
| 4.4.5  | Bandar Tampin   | 231 |
| 4.4.6  | Bandaraya Melaka  | 233 |
| 4.4.7  | Bandar Muar   | 235 |
| 4.4.8  | Bandar Kuala Lipis  | 237 |
| 4.4.9  | Bandar Kota Bharu   | 239 |
| 4.4.10 | Bandaraya Kuching   | 241 |
| 4.5    | Indeks Kelestarian Bandar Warisan Malaysia                  | 243 |
| 4.5.1  | Indeks Konstruk   | 243 |
| i.     | Indeks Kemakmuran Ekonomi                                   | 243 |
| ii.    | Indeks Kesejahteraan Sosial                                 | 245 |
| iii.   | Indeks Kesejahteraan Alam Sekitar                           | 246 |
| iv.    | Indeks Warisan Budaya                                       | 247 |
| v.     | Indeks Peranan Kerajaan dan Komuniti                        | 249 |





|  |  |     |
|--|--|-----|
| 4.5.2  | Pencapaian Purata Indeks Konstruk                        | 250 |
| 4.5.3  | Indeks Keseluruhan Kelestarian Bandar Warisan            | 251 |
| 4.6  | Kesimpulan   | 253 |
| <b>BAB 5 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN</b> |  | 254 |
| 5.1  | Pengenalan   | 254 |
| 5.2  | Ringkasan Kajian   | 255 |
| 5.3  | Perbincangan   | 261 |
| 5.3.1  | Pembentukan Konstruk Kelestarian Bandar Warisan Malaysia | 261 |
| i.   | Kemakmuran Ekonomi                                       | 262 |
| ii.  | Kesejahteraan Sosial                                     | 266 |
| iii.   | Kesejahteraan Alam Sekitar                               | 272 |
| iv.  | Warisan Budaya   | 277 |
| v.   | Peranan Kerajaan dan Komuniti                            | 284 |
| 5.3.2  | Tahap Kelestarian Bandar Warisan Malaysia                | 291 |
| i.   | Bandaraya George Town                                    | 291 |
| ii   | Bandar Taiping   | 302 |
| iii.   | Bandar Kuala Kubu Bharu (KKB)                            | 313 |
| iv.  | Bandar Jugra   | 321 |
| v.   | Bandar Tampin  | 327 |
| vi.  | Bandaraya Melaka   | 334 |
| vii.   | Bandar Muar  | 345 |
| viii.  | Bandar Kuala Lipis                                       | 355 |
| ix.  | Bandar Kota Bharu  | 363 |





|                 |                               |     |
|-----------------|-------------------------------|-----|
| x.              | Bandaraya Kuching             | 373 |
| 5.3.3           | Indeks Bandar Warisan Lestari | 382 |
| 5.4             | Sumbangan Kajian              | 392 |
| 5.5             | Implikasi Kajian              | 394 |
| 5.6             | Cadangan Kajian Lanjutan      | 396 |
| 5.7             | Rumusan                       | 400 |
| <b>RUJUKAN</b>  |                               | 401 |
| <b>LAMPIRAN</b> |                               | 423 |





## SENARAI JADUAL

| No. Jadual   | Muka Surat |
|--|------------|
| 2.1 Tujuh belas Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)                           | 44         |
| 2.2 Target dalam matlamat ke-11 SDG  | 48         |
| 2.3 Pelan tindakan global  | 53         |
| 2.4 Dua belas matlamat Gerakan Bandar Sihat (HCM)                            | 57         |
| 2.5 Petunjuk kelestarian bandar di peringkat global                          | 69         |
| 2.6 Petunjuk kelestarian bandar di peringkat Asia                            | 72         |
| 2.7 Petunjuk kelestarian bandar di peringkat Malaysia                        | 77         |
| 2.8 Tujuan utama dan metod kajian lepas berkaitan kelestarian bandar warisan | 109        |
| 2.9 Kawasan kajian pembangunan bandar warisan lestari                        | 114        |
| 3.1 Taburan bangunan warisan di bandaraya George Town                        | 131        |
| 3.2 Taburan bangunan warisan di bandar Taiping                               | 135        |
| 3.3 Taburan bangunan warisan di bandar KKB                                   | 138        |
| 3.4 Warisan budaya di Jugra  | 139        |
| 3.5 Taburan bangunan warisan di bandaraya Melaka                             | 144        |
| 3.6 Taburan bangunan warisan di bandar Muar                                  | 147        |
| 3.7 Taburan bangunan warisan di bandar Kota Bharu                            | 152        |
| 3.8 Taburan bangunan warisan di bandaraya Kuching                            | 154        |
| 3.9 Jumlah populasi dan sampel kajian  | 156        |
| 3.10 Item soal selidik berserta dengan sumber                                | 158        |
| 3.11 Komen pakar terhadap item soal selidik                                  | 160        |
| 3.12 Komen peserta kesahan muka  | 163        |





|      |   |     |
|------|---|-----|
| 3.13 | Nilai pekali alpha Cronbach   | 167 |
| 3.14 | Matrik kaedah pengumpulan data  | 168 |
| 3.15 | Goodness-of-fit EFA   | 171 |
| 3.16 | <i>Cut off point</i> tahap setiap konstruk kajian   | 173 |
| 3.17 | Klasifikasi kelestarian bandar warisan  | 176 |
| 4.1  | Profil responden keseluruhan  | 180 |
| 4.2  | Profil responden di bandaraya George Town   | 183 |
| 4.3  | Profil responden di bandar Taiping  | 186 |
| 4.4  | Profil responden di bandar Kuala Kubu Bharu (KKB)   | 188 |
| 4.5  | Profil responden di bandar Jugra  | 191 |
| 4.6  | Profil responden di bandar Tampin   | 193 |
| 4.7  | Profil responden di bandaraya Melaka  | 196 |
| 4.8  | Profil responden di bandar Muar   | 198 |
| 4.9  | Profil responden di bandar Kuala Lipis  | 200 |
| 4.10 | Profil responden di bandar Kota Bharu   | 204 |
| 4.11 | Profil responden di bandaraya Kuching   | 206 |
| 4.12 | Ujian kesesuaian penggunaan analisis faktor dan keseragaman item <i>KMO</i> dan <i>Bartlett's Test</i> terhadap konstruk kemakmuran ekonomi         | 208 |
| 4.13 | Matriks komponen dengan putaran varimax konstruk kemakmuran ekonomi   | 209 |
| 4.14 | Ujian kesesuaian penggunaan analisis faktor dan keseragaman item <i>KMO</i> dan <i>Bartlett's Test</i> terhadap konstruk kesejahteraan sosial       | 211 |
| 4.15 | Matriks komponen dengan putaran varimax konstruk kesejahteraan sosial   | 212 |
| 4.16 | Ujian kesesuaian penggunaan analisis faktor dan keseragaman item <i>KMO</i> dan <i>Bartlett's Test</i> terhadap konstruk kesejahteraan alam sekitar | 214 |





|      |  |     |
|------|--|-----|
| 4.17 | Matriks komponen dengan putaran varimax konstruk kesejahteraan alam sekitar  | 215 |
| 4.18 | Ujian kesesuaian penggunaan analisis faktor dan keseragaman item <i>KMO</i> dan <i>Bartlett's Test</i> terhadap konstruk warisan budaya                | 217 |
| 4.19 | Matriks komponen dengan putaran varimax konstruk warisan budaya  | 218 |
| 4.20 | Ujian kesesuaian penggunaan analisis faktor dan keseragaman item <i>KMO</i> dan <i>Bartlett's Test</i> terhadap konstruk peranan kerajaan dan komuniti | 220 |
| 4.21 | Matriks komponen dengan putaran varimax konstruk peranan kerajaan dan komuniti   | 221 |
| 4.22 | Tahap kelestarian bandaraya George Town  | 224 |
| 4.23 | Tahap kelestarian bandar Taiping   | 226 |
| 4.24 | Tahap kelestarian bandar Kuala Kubu Bharu (KKB)  | 228 |
| 4.25 | Tahap kelestarian bandar Jugra   | 230 |
| 4.26 | Tahap kelestarian bandar Tampin  | 232 |
| 4.27 | Tahap kelestarian bandaraya Melaka   | 234 |
| 4.28 | Tahap kelestarian bandar Muar  | 236 |
| 4.29 | Tahap kelestarian bandar Kuala Lipis   | 238 |
| 4.30 | Tahap kelestarian bandar Kota Bharu  | 240 |
| 4.31 | Tahap kelestarian bandaraya Kuching  | 242 |
| 5.1  | Petunjuk kemakmuran ekonomi  | 265 |
| 5.2  | Petunjuk kesejahteraan sosial  | 271 |
| 5.3  | Petunjuk kesejahteraan alam sekitar  | 277 |
| 5.4  | Petunjuk warisan budaya  | 283 |
| 5.5  | Petunjuk peranan kerajaan dan komuniti   | 290 |





## SENARAI RAJAH

| No. Rajah   | Muka Surat |
|---|------------|
| 1.1 Kerangka konseptual kajian  | 20         |
| 2.1 Tujuh belas Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)  | 44         |
| 2.2 Teori kelestarian (Kitaran ekonomi)   | 81         |
| 2.3 Teori pembangunan lestari   | 83         |
| 2.4 Konseptual pembangunan lestari  | 84         |
| 2.5 Teori kelestarian bandar warisan  | 96         |
| 2.6 Kerangka teoritikal pembinaan indeks kelestarian bandar warisan di Malaysia                                       | 121        |
| 3.1 Kerangka metodologi   | 125        |
| 3.2 Kawasan kajian (Malaysia)   | 128        |
| 3.3 Kedudukan pusat bandaraya George Town   | 130        |
| 3.4 Kedudukan pusat bandar Taiping  | 134        |
| 3.5 Kedudukan pusat bandar Kuala Kubu Bharu   | 137        |
| 3.6 Kedudukan pusat bandar Jugra  | 139        |
| 3.7 Kedudukan pusat bandar Tampin   | 141        |
| 3.8 Kedudukan pusat bandaraya Melaka  | 143        |
| 3.9 Kedudukan pusat bandar Muar   | 146        |
| 3.10 Kedudukan pusat bandar Kuala Lipis   | 148        |
| 3.11 Kedudukan pusat bandar Kota Bharu  | 151        |
| 3.12 Kedudukan pusat bandaraya Kuching  | 153        |
| 3.13 Prosedur persampelan kelompok tiga tingkat untuk memilih 1000 orang responden di 10 buah bandar warisan Malaysia | 157        |





|      |  |     |
|------|--|-----|
| 4.1  | Model Analisis Faktor Pengesahan peringkat kedua konstruk kemakmuran ekonomi   | 210 |
| 4.2  | Model Analisis Faktor Pengesahan peringkat kedua konstruk kesejahteraan sosial   | 213 |
| 4.3  | Model Analisis Faktor Pengesahan peringkat kedua konstruk kesejahteraan alam sekitar   | 216 |
| 4.4  | Model Analisis Faktor Pengesahan peringkat kedua konstruk warisan budaya   | 219 |
| 4.5  | Model Analisis Faktor Pengesahan peringkat kedua konstruk peranan kerajaan dan komuniti  | 222 |
| 4.6  | Graf indeks kemakmuran ekonomi   | 244 |
| 4.7  | Graf indeks kesejahteraan alam sekitar   | 245 |
| 4.8  | Graf indeks kesejahteraan alam sekitar   | 247 |
| 4.9  | Graf indeks warisan budaya   | 248 |
| 4.10 | Graf indeks peranan kerajaan dan komuniti  | 249 |
| 4.11 | Pencapaian purata indeks bagi setiap konstruk  | 251 |
| 4.12 | Indeks kelestarian bandar warisan Malaysia   | 252 |
| 5.1  | Poster indeks kelestarian bandar warisan di Malaysia   | 260 |
| 5.2  | Lukisan yang terdapat pada dinding bahagian tepi rumah kedai di George Town yang dilukis oleh seorang pelukis Lithuania yang bernama Ernest Zacharevic | 300 |
| 5.3  | Menunjukkan deretan rumah kedai warisan yang masih berfungsi sebagai ruang niaga para penduduk di Jalan Mat Kilau, Bandar Kuala Kubu Bharu             | 314 |





## SENARAI SINGKATAN

|        |  |
|--------|--|
| 3R     | <i>Reduce, Reuse, Recycle</i>  |
| ADB    | <i>Asia Development Bank</i>   |
| CFA    | Analisis Faktor Pengesahan   |
| CHS    | Centre for Human Settlements   |
| CO2    | Karbon Dioksida  |
| CSD    | Suruhanjaya Pembangunan Lestari  |
| DEB    | Dasar Ekonomi Baru   |
| DefSD  | <i>Decade of Education for Sustainable Development</i>   |
| DPN    | Dasar Pembangunan Nasional   |
| DPN 2  | Dasar Pembandaran Negara ke-2  |
| DV     | Variabel bersandar   |
| DWN    | Dasar Wawasan Negara   |
| EFA    | Analisis Faktor Penerokaan   |
| EIA    | Penilaian Impak Alam Sekitar   |
| EPA    | <i>The United States Environmental Protection Agency</i>   |
| FGD    | <i>Focus Group Discussion</i>  |
| FL     | <i>Factor Loading</i>  |
| HCM    | <i>The Healthy Cities Movement</i>   |
| ICCROM | <i>International Centre for the Study of the Preservation and Restoration of Cultural Property</i> |
| ICOMOS | <i>International Council on Monument and Sites</i>   |
| IUCN   | Kesatuan Pemuliharaan Alam Sekitar Antarabangsa  |
| IV     | Variabel bebas   |





|              |  |
|--------------|--|
| JAS          | Jabatan Alam Sekitar                               |
| JKT          | Jabatan Kerajaan Tempatan                          |
| JMM          | Jabatan Muzium Malaysia                            |
| JPBD         | Jabatan Perancangan Bandar dan Desa                |
| KDN          | Kementerian Dalam Negeri Malaysia                  |
| KKB          | Kuala Kubu Bharu                                   |
| KMO          | <i>Kaiser-Mayer-Olkin</i>                          |
| LESTARI      | Institut Alam Sekitar dan Pembangunan              |
| MBMB         | Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah                 |
| MBPP         | Majlis Bandaraya Pulau Pinang                      |
| MDG          | <i>Millennium Development Goals</i>                |
| MEB          | Model Ekonomi Baru                                 |
| MHP          | <i>Municipal Health Plan</i>                       |
| MITC         | Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka              |
| MNC          | <i>Multi-National Company</i>                      |
| MOTAC        | Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya           |
| MPKB-BRI     | Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam      |
| MPT          | Majlis Perbandaran Taiping                         |
| MQLI         | Indeks Kualiti Hidup Malaysia                      |
| Murninet 2.0 | <i>Malaysia Urban Indicators Network 2.0</i>       |
| NGO          | Badan Bukan Kerajaan                               |
| OKU          | Orang Kelainan Upaya                               |
| PADAT        | Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor |
| PBB          | Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu                   |
| PBS          | Program Bandar Selamat                             |





|          |   |
|----------|---|
| PBT      | Pihak Berkuasa Tempatan   |
| PDRM     | Polis Diraja Malaysia   |
| PERZIM   | Perbadanan Muzium Melaka  |
| PHT      | Persatuan Warisan Pulau Pinang  |
| R&D      | Penyelidikan dan Pembangunan  |
| REPI     | Indeks Sumber dan Pencapaian Alam Sekitar                               |
| RFN      | Rancangan Fizikal Negara  |
| RMK-12   | Rancangan Malaysia ke-12  |
| SDG      | <i>Sustainable Development Goals</i>                                    |
| SIA      | Penilaian Impak Sosial  |
| SM       | Sebelum Masihi  |
| TN50     | Tranformasi Nasional 2050   |
| UNDP     | <i>United Nations Development Programme</i>                             |
| UNESCO   | <i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i> |
| UNFCCC   | <i>United Nation Framework Convention on Climate Change</i>             |
| USD      | <i>United States Dollar</i>   |
| UTC      | Pusat Tranformasi Bandar  |
| WHO      | <i>World Health Organization</i>  |
| WKB 2030 | Wawasan Kemakmuran Bersama 2030   |





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xxiii

## SENARAI LAMPIRAN

- A Soal Selidik Kajian
- B Surat Pelantikan Pakar Penilai Instrumen



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## BAB 1

### PENDAHULUAN



#### 1.1 Pengenalan

Kajian ini dilakukan untuk meneliti tentang kelestarian bandar warisan di Malaysia.

Malaysia merupakan sebuah negara yang sarat dengan warisan budaya seperti bandar berharga yang ditinggalkan oleh generasi terdahulu. Oleh itu, bandar warisan ini perlu dilestarikan untuk kepentingan pada masa kini dan akan datang. Sebelum menelusuri dengan lebih jauh tentang kajian ini, pada bab pertama ini dibincangkan latar belakang bandar warisan, pembentukan permasalahan kajian, persoalan dan objektif kajian, kerangka konseptual, kepentingan kajian, limitasi kajian dan pendefinisian konsep.



## 1.2 Latar Belakang Kajian

Warisan adalah peninggalan dari generasi dahulu untuk generasi masa kini. Pembandaran pula adalah satu proses perubahan petempatan daripada yang bercorak tradisional kepada yang bercorak lebih moden. Proses pembandaran telah bermula pada lima atau enam ribu tahun dahulu atau 3000-4000 tahun sebelum Masihi (SM) (Gist & Fava, 1964) dan lebih tepat lagi 3500 SM iaitu dengan kemunculan bandar Uruk Cluster dalam Tamadun Mesopotamia sebagai bandar dan pusat pentadbiran yang pertama di dunia (Tang & Lee, 2016). Melalui tempoh masa yang panjang, sesebuah bandar lazimnya mempunyai warisan tersendiri. Sesebuah bandar itu bermula dengan membina sebuah kubu perlindungan (Abdul Aziz, 2011) dan berkembang menjadi bandar ekoran daripada kemenangan dalam peperangan dan perluasan kuasa, lantas masyarakat datang berkumpul di sekitar kota untuk mendapatkan kemudahan seperti makanan dan perlindungan. Faktor masa menjadikan bandar ini semakin membesar dan membentuk bandar yang lebih efisien dan sistematik. Contoh lain bandar terawal yang dibina di dunia ialah Faiyum (Mesir), Sidon (Lubnan), Athens (Greece), Plovdiv (Bulgaria), Gazientep (Turki), Susa (Iran), Damsyik dan Aleppo (Syria), Byblos, (Lebanon) dan Jericho (Palestin) yang wujud sekitar 3000 hingga 4000 tahun SM (Nelson, 2018; Amareen, 2019).

Bandar-bandar ini menjadi bukti bahawa telah muncul peradaban manusia yang sistematik dan unik sejak berkurun lama dahulu. Setiap susun atur, seni bina dan saiz bandar adalah mencerminkan identiti dan rupa bentuk sesebuah masyarakat, kerajaan serta tamadun pada masa tersebut. Bagi sesebuah kerajaan hebat yang mempunyai jajahan takluk yang besar semestinya bandar mereka adalah besar dan struktur



binaannya kukuh. Sekitar bandar dibina tembok yang tebal untuk dijadikan sebagai benteng pertahanan daripada serangan musuh (Abdul Ghafar & Wan Nadzri, 2011). Disebabkan oleh struktur binaan yang kukuh, selain beberapa faktor yang lain lagi menjadikan kebanyakan bandar warisan masih bertahan dan berfungsi dengan baik sehingga ke hari ini walaupun telah melalui pelbagai zaman jatuh bangun sesebuah tamadun. Struktur fizikal persekitaran ekonomi dan persekitaran sosial terpelihara dan lestari serta mampu beradaptasi dengan keadaan semasa.

Pembangunan lestari telah menjadi agenda utama setiap negara di seluruh dunia dalam mendepani cabaran masa hadapan. Ideologi pembangunan lestari yang berkisarkan aspek domain ekonomi, domain sosial dan domain alam sekitar telah digunakan secara meluas dalam semua jenis aktiviti pembangunan (Brundtland, 1987). Hal ini kerana, konsep pembangunan lestari merupakan pembangunan yang dilakukan pada masa kini untuk kepentingan generasi sekarang tanpa meminggirkan hak generasi akan datang. Kombinasi antara kepentingan generasi sekarang dan generasi akan datang terhadap sumber ekonomi, sosial dan alam sekitar sangat ideal kerana tiada pihak yang akan terpinggir dalam mengecapi akses kepada kehidupan yang sempurna (Jamaluddin et al., 2000). Walaupun sebahagian besar ahli sarjana menjelaskan bahawa bandar lestari merupakan sesuatu yang mustahil untuk dicapai kerana kedinamikannya yang sentiasa berubah-ubah (Choon et al., 2014b; Peterson et al., 1999), namun usaha untuk menuju kearah pembangunan bandar lestari adalah suatu langkah yang paling baik dan dituntut sama ada di peringkat global atau domestik. Penekanan terhadap pembangunan bandar lestari dalam *Sustainable Development Goals* (SDG) melalui Matlamat ke-11 iaitu pembentukan bandar dan komuniti lestari sangat dituntut kerana bandar merupakan pusat utama kepada kegiatan manusia





(UNDP, 2019). Seterusnya, menjadikan kawasan bandar inklusif, selamat, berdaya tahan dan lestari untuk komuniti adalah agenda utama matlamat ke-11 SDG.

Namun begitu, konsep pembangunan lestari sebaiknya diaplikasikan mengikut situasi semasa sesebuah kawasan tetapi masih berlandaskan asas utama iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar (Guzman et al., 2017). Pembangunan lestari dalam konteks bandar warisan memerlukan penelitian yang khusus terhadap elemen ekonomi, sosial dan alam sekitar agar dapat disepadukan dengan elemen warisan budaya setempat. Elemen tersebut haruslah fleksibel dan boleh disesuaikan dengan keadaan semasa tanpa mengubah fungsi asal atau melenyapkan warisan budaya (Fatimah & Katiman, 2016). Sejarah lampau telah memperlihatkan bandar yang sempurna adalah bandar yang dapat menyeimbangkan pembangunan dengan pemeliharaan nilai warisan budaya (Wiktor-Mach, 2019). Bandar yang seimbang dari segi pembangunan dan warisan budaya terus bertahan dan ini telah menjadi suatu kebanggaan negara dan masyarakat setempat khasnya dan masyarakat dunia amnya (UNESCO, 2011). Akan tetapi, kejayaan bertahan hingga ke hari ini bukan pengecualian kepada ancaman kelupusan oleh kerana kedudukannya yang strategik sebagai pusat pentadbiran yang dihimpit dengan pembangunan semula pada zaman moden (Syed Zainol, 1992). Bandar warisan ini terus ditekan dan dihimpit dengan arus pemodenan dan sudah pasti tidak mampu berdaya saing terutama dari segi ketahan struktur bangunan dengan bandar-bandar moden seperti bandar metropolitan, bandar baharu, bandar pintar dan bandar satelit tanpa ada langkah penjagaan (Pham et al., 2019). Oleh itu, konsep pembangunan lestari yang khusus untuk melindungi bandar-bandar warisan ini diperlukan untuk mengelakkan daripada lenyap ditelan zaman.





Menyedari hakikat itu, pelbagai pihak seperti United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) telah mengambil langkah untuk penjagaan bandar warisan. Selain UNESCO, badan-badan utama yang turut bertanggungjawab dalam memastikan khazanah ini terus terpelihara ialah *International Centre for the Study of the Preservation and Restoration of Cultural Property* (ICCROM), *International Council on Monument and Sites* (ICOMOS), International Union for Conservation of Nature (IUCN) dan Piagam Venice 1964 (sebuah piagam antarabangsa bagi pemeliharaan dan pemuliharaan monumen dan tapak warisan). Di peringkat Malaysia pula terdapat Akta Warisan Kebangsaan pada 2005 (Akta 645), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 127), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Kanun Tanah Negara 1965 dan Akta Pengambilan Tanah 1960 sebagai reaksi kepada peri pentingnya menjaga warisan negara (Abdul Aziz, 2011). Kesemua yang disebut ini fokus kepada isu kebudayaan iaitu segala jenis benda yang dikelaskan sebagai khazanah warisan sama ada tapak kawasan, bangunan, monumen, orang hidup, budaya, seni, adat resam dan sebagainya.

Kesinambungan daripada Konvensyen Warisan Dunia 1972 oleh UNESCO yang disambut baik oleh semua negara anggota telah menunjukkan sesuatu yang positif dalam pemeliharaan dan pemuliharaan warisan budaya. Semua negara anggota termasuk Malaysia telah menandatangani persetujuan penjagaan bersama warisan budaya yang menyebabkan senarai warisan dunia terus bertambah (UNESCO, 2011). Pada tahun 2019, sewaktu majlis sambutan ulang tahun ke-20 UNESCO, dimaklumkan bahawa sebanyak 1121 warisan budaya dan warisan semulajadi telah disenaraikan dalam Senarai Warisan Dunia (*World Heritage List*) sebagai warisan dunia termasuklah di Malaysia (UNESCO, 2019a). UNESCO telah mewarta beberapa kawasan warisan di



Malaysia sebagai Tapak Warisan Dunia antaranya ialah bandar warisan (bandaraya Melaka dan bandaraya George Town) dan Lembah Bujang sebagai tapak warisan budaya, manakala Taman Negara Kinabalu dan Taman Negara Mulu sebagai warisan semula jadi (Jabatan Warisan Negara, 2008a). Pewartaan kawasan ini adalah untuk memastikan segala tinggalan generasi terdahulu dapat dipelihara sehingga ke generasi akan datang dan perkara ini jelas dibincangkan sewaktu *Asia-Pacific Heritage 20/20 Forum and 2019 Awards Ceremony* yang diadakan di Pulau Pinang pada 13 hingga 15 Oktober 2019. Ia juga membincangkan visi masa depan untuk dua dekad akan datang mengenai peranan dan sumbangan warisan budaya yang lebih luas kepada pembangunan mampu, dalam rangka kerja yang luas yang ditakrifkan oleh Agenda 2030 (UNESCO, 2019a).



Bandar warisan yang disenaraikan sebagai tapak warisan dunia telah menarik orang ramai untuk masuk ke bandar tersebut sama ada untuk bekerja dan tinggal tetap atau melancong. Kebanyakan bandar warisan tersebut juga dijadikan sebagai pusat pentadbiran dan pengenalan sesebuah negeri atau negara. Selain dilindungi sebagai khazanah negara yang amat tinggi nilai estetikanya, ia juga masih berfungsi sebagaimana asalnya. Bandar warisan masih berfungsi sebagai pusat perniagaan, pentadbiran dan petempatan penduduk. Menurut Gist dan Fava (1964), fungsi bandar yang paling utama ialah memberikan perlindungan, keselesaan dan pekerjaan kepada penduduk setempat selain dijadikan sebagai tempat untuk pengumpulan sumber makanan dan mendapatkan sumber pendapatan. Oleh hal yang demikian, bandar dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas seperti jaringan perhubungan dan pengangkutan, ruang pentadbiran, tempat perniagaan, pasar, tempat pendidikan, bangunan keagamaan, hospital, sistem saliran dan utiliti yang sistematik.

Lantaran daripada kemudahan asas yang lengkap dikawasan bandar warisan telah menarik minat penduduk yang berada di pinggiran bandar dan desa untuk bermigrasi ke bandar. Kualiti hidup sangat penting untuk menjamin kesejahteraan menyeluruh, memastikan setiap individu, keluarga dan masyarakat berhak menikmati keperluan asas seperti tempat tinggal yang selesa, persekitaran fizikal yang sihat, bersih, selamat dan mesra insan, persekitaran sosial yang mengutamakan nilai murni dan modal insan serta peluang untuk meningkatkan tahap kualiti hidup dari segi kesihatan, pendidikan, pekerjaan, keselamatan, kerohanian dan akses terhadap maklumat (Kementerian Pembangunan Wanita, 2016).

Proses pengaliran masuk penduduk ke kawasan bandar warisan menimbulkan kesan baik dan buruk. Kesan baik ialah sumber ekonomi dapat digunakan semaksimum mungkin dan kesan buruk ialah berlaku pelbagai masalah berkaitan dengan sosial seperti kepadatan penduduk yang melampau, masalah penempatan, peningkatan taraf hidup, lebihan tenaga buruh, aktiviti jenayah, kesesakan trafik, penerokaan kawasan baharu, kerosakan warisan lama, pencemaran alam sekitar dan banyak lagi seperti di Ahmedabad (India) dan Sanaa (Yemen) (Tayib, 1996; Zainuddin, 1999; Melasutra, 2003; Hamidi et al., 2004; Mohd Khir, 2008; Siti Nor Fatimah et al., 2011; Putri Haryati, 2015). Oleh hal yang demikian, kegilaan masyarakat untuk menjadi “orang bandar” membimbangkan kerana berlaku gelombang pergerakan manusia yang besar ke bandar. *United Nations Human Settlements Programme (UN-Habitat)* (2022), melaporkan, sehingga tahun 2021 sebanyak 55 peratus daripada populasi penduduk dunia ialah orang bandar dan menjelang tahun 2050, dua daripada tiga manusia akan bermigrasi dan tinggal di bandar. Tarikan utama migrasi luar bandar ke bandar berlaku adalah disebabkan oleh faktor ekonomi untuk mendapatkan peluang pekerjaan,

kehidupan yang lebih baik dan sebagainya seperti yang berlaku di Mumbai (India). Migrasi luar bandar ke bandar juga berlaku ke atas bandar warisan kerana faktor warisan yang menjadi tunjang utama ekonomi setempat (Foster, 2020).

Menurut *World Cities Report* yang diterbitkan oleh *United Nations Human Settlements Programme (UN-Habitat)* (2022), pada masa kini, sembilan daripada 10 buah bandar raya mega berada di negara-negara sedang membangun. Proses ini dipacu oleh pertumbuhan penduduk yang pesat, menyebabkan banyak warisan dan sejarah akan terhapus (Pinheiro et al., 2020). Proses pembandaran yang pesat ini telah mengakibatkan bandar-bandar kehilangan warisannya secara beransur-ansur. Kehilangan ini memberi kesan kepada elemen kelestarian warisan bandar tersebut.

Walaupun undang-undang pewartaan dilakukan, ia bukanlah penghalang kepada arus pembangunan untuk terus berjalan. Tambahan lagi undang-undang yang diamalkan di Malaysia terutama dari segi pemeliharaan amat kurang. Menurut Ripp dan Rodwell, (2016), masa depan warisan budaya adalah bergantung kepada pengurusan bandar. Namun, pemeliharaan yang dijalankan tidak melibatkan perancangan yang jelas dan struktur pentadbiran yang tidak lengkap, hanya menerusi peruntukan sampingan dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172), Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) dan Akta Warisan Kebangsaan 2005. Sehingga hari ini belum ada model khusus tentang penjagaan persekitaran bandar yang terbina hasil daripada kombinasi ciri-ciri bangunan yang ada dan suasana yang membentuk persekitaran unik dan menarik serta mempunyai identiti yang tersendiri (Syed Zainol, 1992).

Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan sumber warisan budaya yang unik dan menarik serta berada di segenap kawasan terutama di kawasan-kawasan bandar warisan. Sejumlah 162 buah bandar telah terlibat dalam kajian inventori warisan seni bina Malaysia kerana mempunyai tinggalan warisan dalam bentuk bangunan sesebuah, rumah kedai dan monumen (Syed Zainol, 1992). Bandar berciri warisan ini bukan melibatkan bandar-bandar besar yang diiktiraf oleh UNESCO seperti bandaraya Melaka dan bandaraya George Town sahaja tetapi semua bandar tidak kira saiz yang mempunyai keunikan dari segi sejarah dan ciri-cirinya yang tersendiri. Bandar warisan di Malaysia merujuk kepada bandar yang terdapat identiti dan unsur fizikal bandar seperti bangunan-bangunan lama yang dibina sebelum Perang Dunia Ke-2 (1941) yang mempunyai keunikan dan sifat-sifat unggulnya, suasana tempat yang melambangkan cara hidup penduduk setempat, ciri-ciri landskap rupa bentuk bandar, kegiatan harian manusia termasuk urusan jual beli di tepi jalan atau lorong dan sebagainya. Identiti ini merupakan suatu kelainan yang terdapat pada citra atau imej sesuatu bandar sehingga membezakanya dengan bandar-bandar lain (UNESCO, 2019c).

Antara komponen yang memainkan peranan penting dalam menyumbang kearah pembentukan identiti sesuatu bandar warisan ialah bangunan-bangunan lama sama ada bangunan sesebuah (masjid, sekolah, penjara, balai polis, menara jam, tugu peringatan, rumah api dan lain-lain) dan bangunan berteres yang dikelaskan sebagai elemen warisan budaya ketara (*tangible*). Bangunan-bangunan ini bukan sahaja mempunyai struktur fizikal yang mudah dikenali, malah mempunyai kesan makna yang kuat dari sudut sejarah sesuatu tempat seperti sejarah pentadbiran politik (zaman kolonial), bangsa, etnik dan agama. Keunikan reka bentuk seni bina bangunan di bandar-bandar warisan menggambarkan zaman dimana ia mula dibina dan siapa yang

membinanya. Keunikan bangunan-bangunan ini telah membentuk ciri-ciri utama rupa bandar warisan dan perlu dipertahankan daripada segala ancaman yang mungkin akan melupuskannya (UNESCO, 2019c).

Selain itu, komponen yang menjadikan bandar warisan unik dan berbeza dengan bandar-bandar lain adalah warisan budaya tidak ketara (*intangible*). Setiap kawasan atau bandar warisan mempunyai sistem pentadbiran, penduduk tempatan berbilang bangsa dan etnik serta gaya hidup tersendiri yang diamalkan yang menjadikan bandar tersebut unik. Sebagaimana yang diketahui, Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk yang berbilang agama, adat dan budaya. Oleh itu, warisan budaya yang terhasil adalah pelbagai sebagai contoh perayaan berasaskan etnik, tarian, lagu rakyat, seni persesembahan teater atau bangsawan, seni mempertahankan diri, perubatan tradisional dan sebagainya (Tan et al., 2018). Keunikan ini merupakan salah satu rupa bentuk dan identiti bandar warisan di Malaysia. Adalah menjadi sebahagian tanggungjawab generasi pada masa kini melindungi dan memelihara warisan tidak ketara ini daripada dibiarkan pupus akibat daripada proses globalisasi dan pembangunan yang berlaku.

Tidak dinafikan bahawa pembangunan baharu adalah satu perkara yang positif bagi mencapai matlamat ekonomi dan sosial sesuatu tempat. Namun begitu, pembangunan baharu tidak seharusnya mengorbankan nilai-nilai warisan yang terdapat pada sesebuah bandar. Bandar warisan yang sempurna adalah bandar warisan yang dapat menyeimbangkan tahap pembangunan dengan pemeliharaan dan pemuliharaan nilai budaya (Wiktor-Mach, 2019). Kepelbagai unsur yang membentuk corak rupa bandar mencerminkan tahap perkembangan bandar warisan yang dinamik dan



sistematik. Corak rupa bandar yang ada pada bandar-bandar warisan di seluruh Malaysia adalah nilai budaya yang amat penting dan jika lenyap tidak mungkin dapat diganti lain. Oleh yang demikian, pemeliharaan dan pemuliharaan warisan adalah penting bagi menjamin kesinambungan nilai budaya dan tradisi bandar-bandar warisan itu sendiri disamping pemanfaatan kepada pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Pembangunan lestari yang merangkumi tiga komponen utama iaitu alam sekitar, ekonomi dan sosial merupakan idea awal kelestarian (Brundtland, 1987). Kelestarian dirujuk sebagai penggunaan sumber dengan cara: (i) tidak menjelaskan alam sekitar dan kesejahteraan manusia yang tinggal di bumi dan (ii) tidak memusnahkan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka secukupnya. Dalam konteks Malaysia gerakan pendedahan konsep pembangunan lestari telah pun dimulakan semenjak Rancangan Malaysia ke-2 dan masih berterusan hingga kini dengan komitmen Malaysia ke arah mencapai matlamat SDG yang mula diperkenalkan sejak tahun 2015 yang menjadi teras kepada agenda 2030 demi pembangunan dan kemaslahatan manusia dan bumi.

Merujuk kepada konteks bandar pula, matlamat ke-11 SDG telah menggariskan tentang bandar dan komuniti yang mampan (*Sustainable Cities and Communities*) dan agenda ini telah mendapat sokongan padu yang dizahirkan melalui Agenda Bandar Baharu (*New Urban Agenda*) yang bertujuan bagi menjadikan bandar dan penempatan manusia inklusif, selamat, berdaya tahan, dan lestari (Habitat III, 2016). Perkembangan



sesebuah bandar bukan sahaja memberi kesan dari segi fizikal tetapi juga dari aspek penduduk. Pembangunan baharu memusnahkan alam sekitar kerana rebakannya ke kawasan desa dan dalam masa yang sama ia turut memberi kesan kepada warisan sama ada fizikal mahupun budaya. Perkembangan bandar dalam menarik pelancong misalnya dari satu aspek ia sangat positif tetapi dari aspek yang lain sebenarnya pelancong yang ramai memberi kesan kepada daya tampung sesebuah bandar warisan ini kerana tinggalan warisan yang ada di bandar tersebut yang hakikatnya dibina bukan sebagai tempat tarikan pelancong (Cocossis, 2008). Tambahan pula usianya yang tua dan keterdedahannya kepada cuaca memungkinkan untuk bandar tersebut musnah atau rosak (Abdul Ghafar, 1997). Begitu juga dengan amalan, perniagaan tradisional dan budaya hidup seperti tarian, makanan, kedai gunting rambut tradisional, perusahaan besi tradisional, kedai pembuatan alat logam, nyanyian dan lain-lain yang mungkin satu ketika dahulu merupakan kebanggaan masyarakat di satu-satu bandar kini makin terhapus akibat kemajuan, ketidakupayaan berdaya saing dan arus globalisasi (Yazid, 2007).

Bandar warisan lestari pula bukan sahaja dapat memberikan kemudahan tempat tinggal yang selamat, tempat beriadah yang mencukupi, dilengkapi dengan bekalan air, elektrik dan telekomunikasi yang cekap, peluang pekerjaan dan sistem pengangkutan yang efisien tetapi dalam masa yang sama juga haruslah mampu untuk mengekalkan warisan yang wujud kerana ia adalah sebahagian daripada proses memperkasakan jati diri bangsa yang terkenal dengan kerencaman senibina, etnik, budaya, bahasa dan agamanya (Graham et al., 2016). Warisan bandar sama ada dalam bentuk ketara mahupun tidak ketara merupakan keunikan yang tidak mungkin ada di bandar-bandar lain. Selain dari pengekalan warisan, bandar warisan lestari juga menitikberatkan

peranan komuniti setempat dalam bersama-sama melibatkan diri ke arah kelestarian. Harus diketahui bahawa bandar warisan adalah bandar yang unik, kerana ia telah melalui tempoh yang lama untuk kewujudan dan perkembangannya, selain itu dari segi morfologinya ia berbeza dengan bandar-bandar yang moden kerana di samping pembangunan moden ia juga turut menawarkan suasana yang mengimbau masa silam apatah lagi jika ia dituruti oleh kebudayaan masyarakat yang pelbagai yang turut dipulihara dan ditonjolkan, makmur ekonominya, sejahtera komunitinya dan terpelihara alam sekitar fizikalnya. Kesemuanya ini akan membawa kepada kelestarian di bandar tersebut.

Namun bandar-bandar ini tidak dinilai dengan keadaan selayaknya. Kelestarian bandar di Malaysia diukur oleh satu set penunjuk kemampuan bandar di Malaysia yang dikenali sebagai *Malaysia Urban Indicators Network* (Murninet 2.0) (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 2019). Namun petunjuk ini bertujuan untuk mengukur kelestarian kesemua jenis bandar di Malaysia secara umum iaitu sama ada bandar besar, bandar kecil, bandar lanjutan dan bandar warisan serta tidak ada indikator khusus yang berkaitan dengan warisan budaya. Murninet 2.0 ini diaplikasikan kepada semua jenis bandar di Malaysia walaupun terdapat pihak yang mengatakan petunjuk untuk bandar warisan hendaklah berbeza kerana terdapat unsur-unsur unik yang tidak ada pada bandar biasa yang perlu dinilai (Appendino, 2017). Sehingga kini tiada lagi usaha yang dijalankan bagi mengukur secara khusus dan bersepadu kelestarian bandar warisan yang ada di Malaysia walaupun terdapat lebih kurang 162 buah bandar yang mempunyai nilai warisan disebabkan oleh faktor usia, keunikan dan nilai estetikanya menurut Kajian Inventori Seni Bina Malaysia yang dilakukan oleh Muzium Negara pada tahun 1992 (Syed Zainol, 1992). Pengukuran yang sedia ada hanyalah pengukuran

kualiti dan kesejahteraan hidup dan pembangunan bandar lestari secara terpisah dan umum sahaja.

Pentingnya usaha pembangunan bandar lestari dilakukan dalam ruang lingkup warisan budaya kerana, salah satu daripada sebab kegagalan pembangunan bandar pada masa kini adalah disebabkan oleh peminggiran warisan budaya yang menjadi unsur utama di sesebuah kawasan bandar (Wiktor-Mach, 2019). Sebagai contoh, Bandar Maritim Mercantile Liverpool merupakan sebuah bandar pelabuhan yang kaya dengan sumber daya warisan tetapi telah mula hilang keunggulan warisannya kerana kerakusan mengejar pembangunan moden dengan meminggirkan nilai warisan budaya dan menyebabkan ianya tersingkir daripada Senarai Warisan Dunia (UNESCO, 2021).

Situasi bandar warisan di Malaysia juga boleh terjadi seperti bandar Maritim Mercantile Liverpool jika proses pembangunan dilakukan dengan meminggirkan warisan budaya.

Oleh itu, penyelesaian kepada persoalan kelestarian bandar warisan di Malaysia boleh dijawab dengan adanya set petunjuk dan indeks kelestarian bandar warisan ini. Penetapan indeks yang piawai membolehkan persediaan program kelestarian bandar warisan disesuaikan dengan tahap indeks tersebut. Indeks kesedaran kelestarian bandar warisan ini memberikan satu gambaran keadaan kelestarian bandar berdasarkan parameter-parameter terpilih. Secara langsung juga indeks yang dibina memberikan gambaran tentang kelestarian bandar yang merangkumi elemen komuniti, ekonomi, alam sekitar dan juga warisan. Dengan ini proses pemeliharaan dan pemuliharaan, menggubal dasar dan polisi serta pengurusan pentadbiran bandar warisan dapat dipertingkatkan dan ditambah baik.



## 1.4 Persoalan Kajian

Terdapat tiga (3) persoalan kajian yang dibentuk untuk mencapai tujuan kajian ini iaitu:

- i. Apakah indikator dan sub indikator pembinaan kelestarian bandar warisan di Malaysia.
- ii. Sejauh manakah tahap kelestarian bandar warisan di Malaysia.
- iii. Apakah indeks kelestarian bandar warisan di Malaysia.

## 1.5 Matlamat dan Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membina indeks kelestarian bandar warisan di Malaysia.

Bagi tujuan itu, sebanyak tiga objektif telah dibina iaitu:

- i. Mengenal pasti indikator dan sub indikator pembinaan kelestarian bandar warisan di Malaysia.
- ii. Menganalisis tahap kelestarian bandar warisan di Malaysia.
- iii. Membina indeks kelestarian bandar warisan di Malaysia

## 1.6 Kerangka Konseptual

Kajian ini bertujuan untuk membina indeks kelestarian bandar warisan di Malaysia.

Oleh itu, konteks besar penyelidikan ini ialah kelestarian bandar warisan yang terpilih



di Malaysia. Bermula daripada persekitaran bandar warisan dikeluarkan input untuk penilaian dan pengelompokan input dibahagikan kepada dua bahagian iaitu indikator kelestarian dan sub indikator kelestarian. Pembentukan indikator utama untuk mengukur kelestarian bandar warisan di Malaysia adalah berpandukan kepada teori asas pembangunan lestari seperti yang diperkenalkan dan dibincangkan oleh Brundtland (1987); Lele (1991); Peterson (1997); Mebratu (1998); Peterson et al. (1999); Satterthwaite (2001); Patrick et al. (2006); Mohd Khir (2008); Van Oers dan Pereira Roders (2012); Sauve et al. (2016); Tang dan Lee (2016); UNESCO (2017a); Schrippe dan Ribeiro (2018); Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (2019); Louro et al. (2019); Suarez-Eiroa et al. (2019); UNDP (2019); United Nation (2019); dan Pinheiro et al. (2020) iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar. Setiap indikator ini akan disokong oleh sub konstruk yang membawa isu berkaitan dengan bandar warisan di Malaysia. Ketiga-tiga indikator ini akan menjadi payung utama yang melindungi semua kepentingan dan keperluan di bandar warisan. Seterusnya ditambah dengan indikator warisan budaya hasil adaptasi kajian yang dibuat oleh Runnalls, (2007); Tweed dan Sutherland, (2007); Bandarin et al., (2011) dan Appendino, (2017) yang meletakkan warisan budaya setara dengan konstruk-konstruk lain. Manakala indikator terakhir adalah peranan kerajaan dan komuniti untuk melihat sejauhmana tahap kesediaan dan penerimaan masyarakat sama ada generasi lama atau baharu terhadap warisan budaya (Wiktor-Mach, 2019). Pembinaan lima konstruk ini adalah disokong oleh Leus dan Verhelst (2018), Nurkhazilah et al. (2021), Daeng Haliza dan Zuliskandar (2021), yang dengan jelas menyatakan bahawa pengukuran kelestarian bandar warisan mesti menggunakan lima indikator.

Indikator kemakmuran ekonomi ialah memberi sokongan kepada sub indikator pembangunan dan pengurusan ekonomi setempat. Sokongan yang dimaksudkan ialah bandar warisan dengan persekitaran yang lama mampu memberikan peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan, merapatkan jurang kemiskinan, mengurangkan kadar pengangguran, kemasukan tenaga buruh, pelaburan daripada syarikat luar dan dalam negara dan menarik pelaburan asing secara berterusan serta pembangunan pelancongan. Perkara-perkara tersebut disimpulkan menjadi sub indikator kelestarian iaitu mobiliti manusia, aktiviti perniagaan dan pertumbuhan ekonomi (Louro et al., 2019; Suarez-Eiroa et al., 2019; Kementerian Wilayah Persekutuan, 2020; Pinheiro et al., 2020).

Indikator kesejahteraan sosial pula merangkumi sub indikator kemudahan asas, perhubungan dan utiliti, keselamatan dan ketenteraman awam. Penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan di bandar warisan perlu mencukupi sama seperti bandar-bandar lain kepada semua penduduk. Pembangunan bandar lestari perlu memikirkan tentang gaya hidup masyarakat yang lestari. Iaitu mesti menyediakan keperluan asas yang mencukupi seperti kemudahan pengangkutan awam, kemudahan sukan dan riadah, kemudahan untuk orang kelainan upaya (OKU), utiliti dan perhubungan yang menyeluruh di semua kawasan bandar, dan keselamatan awam iaitu bebas jenayah, masalah sosial dan sebagainya. Konteks kesejahteraan sosial sangat penting kerana menyentuh perihal kualiti hidup (Unit Perancang Ekonomi, 2004; Haryati & Nurasyikin, 2016; Unit Perancang Ekonomi, 2004).

Indikator ketiga ialah kesejahteraan alam sekitar. Alam sekitar merupakan aspek yang paling utama dalam semua jenis pembangunan lestari. Kualiti alam sekitar mempengaruhi semua aspek yang lain. Oleh itu, pengukuran konstruk kesejahteraan



alam sekitar berdasarkan kepada dua sub indikator iaitu kesihatan persekitaran dan guna tanah. Kesihatan persekitaran ialah melibatkan akses air bersih, udara, bunyi, dan suhu (Jorge et al., 1995; United Nation Sustainable Development, 1992; Patrick et al., 2006). Manakala guna tanah berkaitan dengan susun atur bangunan, ketinggian bangunan dan kawasan lapang yang menyumbang kepada kelancaran ekosistem bandar (Gehl, 2019).

Indikator yang paling penting ialah warisan budaya perlu dimasukkan dalam usaha untuk mengukur tahap kelestarian bandar warisan. Sub indikator warisan budaya ialah warisan budaya ketara dan warisan budaya tidak ketara dengan menjurus kepada *survival* di kawasan tersebut. Penilaian terhadap fungsi, ketahanan, keselamatan, pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan, monumen, dan tapak warisan perlu dibuat. Selain itu, aspek *survival* warisan budaya tidak ketara seperti adat resam, seni muzik, tradisi lisan, seni persembahan, perubatan tradisional dan perniagaan tradisional juga tidak boleh ditinggalkan (Tweed & Sutherland, 2007; Rodwell, 2011; Bandarin et al., 2011; Bandarin & van Oers, 2015; Appendino, 2017).


Tanpa peranan kerajaan dan komuniti proses pembangunan bandar warisan lestari tidak akan berlaku. Oleh itu, indikator peranan kerajaan dan komuniti terutama dalam pemeliharaan dan pemuliharaan warisan digunakan sebagai indikator kelestarian. Penglibatan komuniti mesti bermula daripada dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan dalam memastikan warisan budaya terus bertahan. Peranan kerajaan ialah menetapkan polisi, melakukan proses pemuliharaan dan pemeliharaan terhadap semua jenis bangunan warisan yang berpotensi untuk termusnah, melakukan promosi dan sebagainya. Selain itu, peranan komuniti yang paling penting ialah mewarisi dan meneruskan warisan budaya tidak ketara agar tidak lenyap ditelan zaman. Oleh itu,



terdapat empat sub indikator yang dibentuk untuk mewakili peranan kerajaan dan komuniti iaitu penglibatan komuniti, pengurusan persekitaran, pengurusan pelancongan dan warisan serta pengurusan risiko (Takano, 2003a; Takano, 2003b; O’neill & Simard, 2006; Minkler & Wallerstein, 2003).

Pemilihan lima indikator ini (kemakmuran ekonomi, kesejahteraan sosial, kesejahteraan alam sekitar, warisan budaya, peranan kerajaan dan komuniti) adalah berdasarkan kepada polisi pembangunan dalam (SDG), Agenda Bandar Baharu, Agenda 21, Gerakan Bandar Sihat, Rangcangan Malaysia Ke-12, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Akta 645. Dalam polisi ini disebutkan bahawa pembangunan lestari mesti melibatkan kepada lima indikator iaitu ekonomi, sosial, alam sekitar, governan dan peranan komuniti serta warisan budaya. Gabungan daripada lima indikator ini akan digunakan sebagai pemboleh ubah untuk pembinaan indeks kelestarian bandar warisan di Malaysia.

Akhir sekali, daripada input ini akan mengeluarkan tahap kelestarian setiap bandar yang dikaji. Bandar warisan akan dikelaskan mengikut skala indeks kelestarian untuk menggambarkan bandar yang mana paling lestari dan sebaliknya. Pengelasan bandar warisan ditunjukkan dalam empat skala iaitu (i) Lestari, (ii) Sederhana Lestari, (iii) Kurang Lestari dan (iv) Tidak Lestari. Akhir sekali daripada indeks ini akan memberi pulangan semula kepada persekitaran bandar warisan. Proses pengurusan dan penambahbaikan dapat dilakukan berdasarkan indeks yang dikeluarkan ini untuk menjadikan bandar warisan di Malaysia mencapai tahap kelestarian yang paling maksimum. Secara ringkasnya dapat disimpulkan seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1.1. Kerangka konseptual kajian

## 1.7 Kepentingan Kajian

Pembangunan lestari merupakan agenda penting di semua peringkat sama ada kerajaan, swasta, NGO dan individu. Terma kelestarian menjadi agenda utama dalam pembangunan masa sekarang demi kepentingan semua pihak. Sumbangan kajian ini dapat dilihat seperti dalam konteks berikut:

### 1.7.1 Membangunkan Petunjuk Bandar Warisan Lestari

Sebagaimana sedia maklum, di Malaysia terdapat set petunjuk Murninet 2.0 untuk mengukur tahap kelestarian bandar. Namun begitu, set petunjuk Murninet 2.0 ini digunakan secara umum untuk mengukur tahap kelestarian semua bandar di Malaysia termasuklah bandar warisan. Terdapat enam dimensi yang digunakan tetapi tiada dimensi atau konstruk yang digunakan untuk menilai tahap kelestarian warisan budaya di bandar warisan. Enam dimensi yang digunakan dalam Murninet 2.0 adalah (i) ekonomi berdaya saing, (ii) kualiti persekitaran mampan, (iii) komuniti sejahtera, (iv) gunatanah dan sumber asli optimum, (v) infrastruktur dan pengangkutan efisien dan (vi) urustadbir efektif sahaja. Dengan adanya kajian ini, satu set petunjuk dibangunkan dan digunakan untuk mengukur secara khusus kelestarian bandar warisan dengan memasukkan konstruk atau dimensi warisan budaya bersama-sama dengan konstruk ekonomi, sosial, alam sekitar dan peranan kerajaan serta komuniti. Petunjuk ini dibina berdasarkan kedinamikan bandar warisan yang terdapat di Malaysia. Pertambahan konstruk warisan budaya merupakan inisiatif baharu dalam pengukuran kelestarian bandar warisan di Malaysia.



### 1.7.2 Pembinaan Indeks

Kajian ini akan menghasilkan ‘Indeks Kelestarian Bandar Warisan di Malaysia’ yang merupakan asas bagi mengukur tahap kelestarian bandar-bandar warisan di seluruh negara. Dengan adanya indeks ini dapat menggambarkan tahap kelestarian yang sebenar setiap bandar warisan yang terdapat di Malaysia. Selain itu, bandar warisan juga dapat dikelaskan berdasarkan tahap lestari sehingga tidak lestari untuk rujukan penduduk setempat, pelancong dan kerajaan.

### 1.7.3 Sumbangan Empirikal

Pembangunan bandar lestari di Malaysia adalah menggunakan konsep dan teori yang diperkenalkan dalam Brundland Report (1987) iaitu pembangunan lestari perlu melibatkan tiga teras atau konstruk utama. Tiga konstruk utama yang digunakan iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar. Kajian pembangunan bandar warisan lestari ini akan menambah dua lagi konstruk utama dalam pembangunan lestari iaitu warisan budaya dan peranan kerajaan serta komuniti menjadikan lima konstruk utama. Melalui lima konstruk ini, sub konstruk dan petunjuk kelestarian dapat dibina dan diperkenalkan dalam konteks pembandaran warisan di Malaysia. Petunjuk kelestarian bandar warisan adalah khusus dan tidak sama antara kawasan atau negara. Hal ini kerana, setiap isu dan masalah yang dibawakan di bandar warisan adalah berbeza-beza dan kehendak kelestarian juga turut berbeza. Setelah itu, dapatan kajian ini dapat dianalisis untuk melihat tahap kelestarian bandar warisan dan membina indeks kelestarian.





## 1.8 Limitasi Kajian

Terdapat beberapa perkara yang menjadi limitasi dalam melaksanakan kajian ini, iaitu;

### 1.8.1 Lokasi Kajian

Menurut Kajian Inventori Warisan Seni Bina Malaysia terdapat lebih kurang 162 buah bandar yang mempunyai nilai warisan di Malaysia. Namun dalam kajian ini, lokasi kajian tidak melibatkan semua bandar tersebut, hanya 10 bandar warisan yang terpilih sahaja dijadikan sebagai kawasan kajian. Bandar tersebut ialah Kuala Kubu Bharu, bandaraya George Town, Taiping, Muar, bandaraya Melaka, Kota Bharu, Jugra, Tampin, Kuala Lipis dan bandaraya Kuching. Pemilihan 10 buah bandar ini adalah berdasarkan kepada usia, bilangan bangunan warisan, sejarah penubuhan dan pengiktirafan oleh badan antarabangsa. Pemilihan bandar-bandar ini adalah berdasarkan kepada jumlah bangunan warisan yang dibina sebelum perang dan ciri-ciri khas yang ada pada bandar tersebut dan tidak terdapat pada bandar lain di Malaysia. Pemilihan 10 buah bandar ini juga untuk dijadikan sebagai asas dan permulaan kepada kajian di bandar-bandar lain yang boleh dikelaskan kepada bandar warisan.





### 1.8.2 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian melibatkan penduduk yang berada di sepuluh buah bandar warisan terpilih di Malaysia sahaja. Kajian akan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas yang menetap di bandar tersebut sewaktu kajian dijalankan. Pemilihan sampel berdasarkan ciri-ciri tersebut kerana mereka lebih arif dan faham tentang keadaan dan fenomena yang berlaku di kawasan tersebut. Masyarakat yang menetap di sesebuah kawasan tersebut yang menjadi orang terawal menerima kesan positif dan negatif ekoran daripada pembangunan yang dilakukan.

### 1.8.3 Kaedah Kajian



Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kuantitatif. Semua data yang digunakan untuk tujuan analisis adalah daripada hasil kajian tinjauan yang menggunakan instrumen soal selidik. Responden perlu memberikan penilaian pada skala likert lima mata untuk setiap soalan yang diajukan. Skala likert bermula dengan (1) sangat tidak setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Kurang Setuju, (4) Setuju dan (5) Sangat Setuju. Responden bebas untuk memberi penilaian terhadap soalan yang diajukan. Hasil daripada penilaian tersebut digunakan sebagai data utama dalam penyelidikan ini. Pemilihan kaedah kajian yang melibatkan maklum balas penduduk yang tinggal atau bekerja di kawasan bandar warisan adalah kerana mereka bertindak sebagai komuniti setempat yang mengerakkan ekonomi, menjadi saksi perubahan pembangunan serta penerima kesan positif dan negatif daripada kelestarian bandar warisan tersebut.





#### 1.8.4 Pemboleh Ubah Kajian

Kajian ini hanya melibatkan lima pemboleh ubah atau konstruk kajian bagi kelestarian bandar warisan iaitu kemakmuran ekonomi, kesejahteraan sosial, kesejahteraan alam sekitar, warisan budaya, governan dan peranan komuniti. Pemilihan lima konstruk ini adalah berdasarkan daripada hasil kajian lepas yang diteroka dan diubah suai mengikut kehendak serta demografi dan alam sekitar Malaysia.

### 1.9 Pendefinisian Operasi

Pendefinisian konsep dilakukan kepada konsep utama yang digunakan dalam kajian ini iaitu indeks, bandar dan warisan budaya.



#### 1.9.1 Indeks

Menurut *The United States Environmental Protection Agency (EPA)* (1995), petunjuk merupakan satu nilai yang diterbitkan daripada pelbagai parameter iaitu dengan menyediakan maklumat yang selari mengenai corak atau aliran perubahan tentang alam sekitar, aktiviti manusia yang mempengaruhi dan dipengaruhi oleh alam sekitar, dan hubungan antara pemboleh ubah. Hasil daripada gabungan petunjuk akan membentuk indeks. Indeks dapat didefinisikan dengan pelbagai maksud mengikut pendekatan masing-masing. Secara harfiahnya, indeks ialah senarai, daftar, katalog, direktori, faharasat, angka tunjuk atau angkujuk. Becky (2002), mendefinisikan indeks sebagai



suatu panduan, senarai, tanda, atau nombor yang digunakan untuk mengukur perubahan yang berlaku yakni merupakan salah satu pendekatan dalam mengukur sesuatu tingkah laku dan banyak digunakan dalam bidang ekonomi dan sosial. Selain itu, indeks ditakrifkan sebagai satu kaedah mengkategorikan dan menyenaraikan atau untuk membuat penyesuaian secara automatik berdasarkan kepada perubahan statistik tertentu. Secara umumnya, indeks merupakan kombinasi yang terdiri daripada dua atau lebih pemboleh ubah atau indikator yang digunakan bagi menganalisis perbandingan untuk sesuatu perkara secara keseluruhan dan dijadikan satu rumusan (Sonia & Doris, 2011). Formulasi ini bertujuan untuk memberi paparan dalam bentuk kuantitatif yang komprehensif dan mudah difahami kepada pihak berkuasa dan masyarakat yang bermula daripada peringkat akar umbi (Peterson, 1997).

Indeks untuk menilai pembangunan lestari terutamanya dalam konteks perbandaran warisan sangat perlu diwujudkan. Bagi membangunkan indeks kelestarian bandar warisan yang menunjukkan status kelestarian, satu rangka kerja yang mengintegrasikan petunjuk alam sekitar, ekonomi, sosial, warisan budaya, penglibatan kerajaan dan penglibatan komuniti pada peringkat makro diperlukan untuk membantu mencapai kelestarian.

### 1.9.2 Bandar Warisan Lestari

Bandar adalah suatu unit ekosistem yang besar merangkumi aspek politik, budaya dan petempatan yang didiami oleh sejumlah penduduk atau sekelompok rumah kediaman atau lain-lain struktur yang berpusat meliputi semua elemen semula jadi, sosial dan

ekonomi termasuk dari segi kuantiti dan kualitinya yang saling berkait antara satu sama lain serta sebagai tempat penyediaan fungsi bagi melaksanakan peranannya kepada kawasan sekitar (Detwyler & Marcus, 1985; Marcuse & Kempen, 2000; Fatimah & Katiman, 2016).

Dalam penyelidikan ini, bandar yang dipilih merujuk kepada bandar lama atau bandar warisan yang masih kekal sehingga hari ini di Malaysia. Dari segi fungsi dan makna bandar warisan tiada banyak perbezaan antara bandar-bandar lain. Namun terdapat beberapa unsur yang membezakan pemaknaan bandar warisan tersebut. Bandar warisan yang dikaji dalam penyelidikan ini ialah bandar wujud sebelum perang atau lebih tepat sebelum 1945-an di seluruh Malaysia yang tersenarai dalam Kajian Inventori Seni Bina Malaysia pada tahun 1992 termasuklah dua (2) buah bandar yang telah disenaraikan dalam Senarai Warisan Dunia iaitu (i) bandaraya George Town dan (ii) bandaraya Melaka. Bangunan warisan yang terbina sebelum perang mempunyai reka bentuk tertentu mengikut pengaruh semasa pada waktu tersebut. Bangunan sebelum perang memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi rupa bandar atau *streetscape* yang menarik dan membentuk identiti bandar seluruh Malaysia (Syed Zainol, 1992).

Gabungan unsur warisan yang terbentuk dari tahun 1880-an hingga 1930-an ini merupakan gambaran terhadap kesan pengaruh sosioekonomi dan persekitaran fizikal yang mencorak pertumbuhan bandar. Gabungan antara unsur warisan, sosioekonomi dan persekitaran fizikal tidak terdapat di bandar-bandar yang muncul terkemudian. Kedinamikan unsur bandar dan unsur warisan budaya menjadikan bandar warisan sebuah ekosistem yang lebih kompleks daripada bandar-bandar biasa. Oleh itu, makna

sebenar bandar warisan ialah satu rangkaian bandar yang pelbagai dimensi yang mempunyai unsur warisan budaya dan berinterkasi antara satu sama lain. Manakala bandar warisan lestari pula adalah bandar warisan yang dapat menyeimbangkan tahap pembangunan ekonomi, sosial, alam sekitar untuk kepentingan generasi sekarang dan akan datang disamping pemeliharaan dan pemuliharaan nilai budaya (Appendino, 2017; Wiktor-Mach, 2019).

### 1.9.3 Warisan Budaya

Warisan budaya didefinisikan sebagai tanda nyata (*material signs*) sama ada bersifat artistik atau simbolik yang diwarisi daripada generasi sebelum sebagai budaya dalam masyarakat dan akhirnya diterima oleh manusia sejagat. Takrifan warisan mula digunakan sejak tahun 1972 (UNESCO, 2011) dimana warisan sama ada warisan budaya atau warisan semula jadi yang merupakan suatu pusaka peninggalan nenek moyang yang diwarisi dari generasi ke generasi dan diamalkan sehingga ke hari ini (Zuliskandar et al., 2015; UNESCO, 2019b). Makna warisan mengikut seksyen 2, di bawah perkara taksiran dalam Akta Warisan Kebangsaan (2005) (Akta 645) pula bermaksud generik warisan kebangsaan, tapak, objek dan warisan kebudayaan di bawah air sama ada digariskan atau tidak dalam daftar. Warisan kebangsaan ialah mana-mana tapak warisan, objek warisan, warisan kebudayaan di bawah air atau mana-mana orang hidup yang diistiharkan sebagai warisan kebangsaan di bawah seksyen 67 (Akta Warisan Kebangsaan, 2005; Mohd Yuszaidi et al., 2015).



Keseluruhannya, warisan dapat didefinisikan kepada tiga jenis iaitu warisan budaya, warisan semulajadi dan warisan bawah air. Namun, warisan yang difokuskan dalam penyelidikan ini ialah warisan budaya iaitu merangkumi warisan budaya ketara dan warisan budaya yang tidak ketara yang terdapat pada bandar lama di Malaysia. Warisan budaya ketara yang akan dikaji ialah bangunan rumah kedai dan bangunan sesebuah. Manakala warisan budaya tidak ketara ialah perayaan dan ritual, perubatan, perniagaan, kesenian (muzik dan tarian), adat resam, dan loghat. Warisan tersebut merupakan warisan budaya yang penting dan mempunyai nilai estetika, arkeologi, seni bina, kebudayaan, sejarah, saintifik, sosial, spiritual, linguistik dan teknologi (Jabatan Warisan Negara, 2008).

## 1.10 Kesimpulan



Secara ringkasnya, bab ini menerangkan pengenalan kepada kajian yang dilakukan. Pemerihalan dilakukan dengan teperinci untuk menerangkan permasalahan kajian atau *gap* kajian, objektif, persoalan kajian dan definisi kepada konsep asas yang menjadi tujuan kepada penyelidikan terhadap pembinaan indeks kelestarian bandar warisan di Malaysia. Bab seterusnya akan memperlihat dengan lebih kritis tentang *gap* kajian yang menjadi signifikasi kepada penyelidikan serta teori yang diguna pakai.

